WAN FARID WAN RAMLI A

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
AZAHAR MOHAMED HMR
MOHTARUDIN BAKI HMR
LIM YEE LAN HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: W-05-91-04-2013]
18 JUN 2014 C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Bunuh - Pembuktian - Saksi mata tunggal - Penilaian keterangan - Sama ada keterangan saksi tunggal lemah dan meragukan - Sama ada sabitan cacat - Sama ada tertuduh harus dilepas dan dibebaskan - Kanun Keseksaan, s. 302* D

PROSEDUR JENAYAH: *Sabitan - Bunuh - Keterangan pengecaman - Saksi mata tunggal - Sama ada mahkamah gagal menilai keterangan daripada perspektif yang betul - Sama ada wujud ketidakarahan menjurus kepada salah arahan - Sama ada menyebabkan salah laksana keadilan - Sama ada sabitan tidak boleh dipertahankan* E

KETERANGAN: *Keterangan pengecaman - Bunuh - Saksi mata tunggal - Sama ada keterangan pengecaman saksi mata lemah dan meragukan - Sama ada sabitan cacat - Sama ada tertuduh harus dilepas dan dibebaskan* F

Perayu dalam kes ini dikatakan telah menikam si mati dengan sebilah pisau dan berikutnya telah dituduh dengan kesalahan bunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Fakta menunjukkan G
bahawa kejadian berlaku kira-kira jam 3.15 pagi di tempat letak kereta sebuah perumahan awam. Menurut SP1, satu-satunya saksi mata kejadian yang juga isteri si mati, si mati pada waktu material cuba menghalang perayu dan seorang lagi yang masih bebas daripada mengacau-ganggu beberapa kenderaan yang terletak di H
parkir tersebut, tetapi telah ditikam dengan pisau oleh perayu dua kali di bahagian dada dan dua kali di bahagian belakang. Si mati menemui ajalnya di tempat kejadian dan sebab kematian adalah 'luka kerana tikaman di dada'. Hakim Mahkamah Tinggi, dalam mensabit dan menjatuhkan hukuman mati terhadap perayu, secara I
berkesannya bergantung kepada keterangan SP1, termasuk keterangannya yang mengecam perayu sebagai orang yang menikam

A suaminya. Perayu merayu dan, antara lain menghujahkan bahawa hakim bicara khilaf kerana gagal memberi penilaian kehakiman yang betul terhadap keterangan SP1, terutama keterangan yang berkaitan dengan isu pengecaman perayu yang dikatakan begitu lemah.

B

Diputuskan (membenarkan rayuan; melepas dan membebaskan perayu)

Oleh Azahar Mohamed HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

C

(1) Adalah tidak selamat untuk mengekalkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara terhadap perayu. (perenggan 13)

(2) Mahkamah Rayuan pada amnya tidak akan mengganggu dapatan fakta oleh hakim bicara kerana sebagai pembicara
D fakta, hakim bicara mempunyai kelebihan audio-visual. Walaupun begitu, adalah terbuka untuk mahkamah ini campur tangan sekiranya dapatan yang dibuat tidak disokong oleh keterangan atau bercanggah dengan berat keterangan, atau jika tiada pertimbangan kehakiman yang betul ke atas keterangan
E atau terdapat salah arah di sisi undang-undang. (perenggan 4)

(3) Isu utama di sini adalah sama ada perayu yang menyebabkan kematian si mati. Mengenai isu ini, hakim bicara menyatakan bahawa SP1 telah melihat muka perayu beberapa kali. Namun,
F keterangan SP1 secara keseluruhannya tidak memberi gambaran yang jelas bahawa SP1 sebenarnya telah melihat perayu beberapa kali sebelum perayu dikatakan menikam si mati. Malah, berdasarkan keterangannya, SP1 sebenarnya tidak pasti tentang identiti orang yang menikam si mati. (perenggan
G 5, 6 & 7)

(4) Keterangan SP1 bahawa 'selepas dia tikam suami saya, mata suspek itu memandang muka saya selama 2-3 saat' juga perlu diberikan penekanan. Persoalan yang wajar dipertimbang (tetapi
H tidak dipertimbang) oleh hakim bicara adalah sama ada dalam tempoh yang sesingkat itu, SP1 boleh mengecam secara positif bahawa perayulah orang yang menikam si mati pada masa material. Kegagalan mempertimbang keterangan ini adalah satu salah arahan serius pada pihak hakim bicara yang sekaligus
I mewajarkan campur tangan mahkamah ini. (perenggan 9, 10 & 11)

(5) Seandainya hakim bicara mempertimbangkan keterangan SP1 dalam perspektifnya yang betul, ada kemungkinan bahawa hakim bicara akan membuat dapatan bahawa keterangan SP1 adalah meragukan dan tidak boleh menjadi asas kepada sabitan terhadap perayu. Kegagalan yang arif hakim bicara berbuat demikian adalah satu ketidakarahan yang terjumlah kepada satu salah arahan yang membawa kepada salah laksana keadilan. Kesudahan daripada semua ini adalah bahawa perayu telah kehilangan peluang untuk dibebas dan dilepaskan daripada pertuduhan yang dihadapi. (perenggan 12)

English *Translation Of Headnotes*

The appellant in this case had stabbed the deceased with a knife and was consequently charged with the offence of murder under s. 302 of the Penal Code. The stabbing incident, as shown in the facts, occurred at about 3.15am at the parking lot of a public housing estate. According to SP1, the sole eyewitness of the incident who was also the wife of the deceased, the deceased at the material time was seeking to thwart the appellant and another man still at large from committing mischief on the vehicles parked at the parking lot, but was stabbed by the appellant twice on the chest and twice on the back. The deceased died at the scene of the incident not long thereafter and the cause of death was 'due to laceration and stab wounds to the chest'. The High Court Judge, in convicting the appellant and sentencing him to death, effectively relied on the evidence of SP1, including her testimony identifying the appellant as the one who had stabbed the deceased. The appellant appealed and, *inter alia,* argued that the trial judge had erred in failing to undertake appropriate judicial evaluation of SP1's evidence, in particular, her identification evidence which the appellant alleged was overly weak.

Held (allowing appeal; acquitting and discharging appellant) Per Azahar Mohamed JCA delivering the judgment of the court:

(1) It was unsafe to affirm the conviction and sentence as passed by the trial judge against the appellant.

(2) The Court of Appeal will not generally disturb the findings of facts as made by the trial judge since the trial judge, as the trier of facts, was privileged with audio-visual advantage. Notwithstanding that, it is always open for this court to

A interfere if the findings thus made were unsupported by evidence or against the weight of evidence, or if there was no proper judicial appreciation of the evidence or if there was any misdirection in law.

B **(3)** The main issue here was whether it was the appellant who had caused the death of the deceased. On this issue, the judge maintained that SP1 had seen the appellant's face a few times. However, SP1's evidence as a whole, however, did not clearly show that SP1 had seen the appellant a few times prior C to the alleged stabbing of the deceased by the appellant. Indeed, based on her own evidence, SP1 was actually unsure as to the identity of the man who stabbed the deceased.

(4) SP1's testimony that 'after he stabbed my husband, the suspect's eyes were looking at my face for 2-3 seconds' also D needed emphasis. The question that begs the trial judge's consideration (but not considered) was whether it was possible, within such a short span of time, for SP1 to identify the appellant as the man who had stabbed the deceased at the material time. Failure to evaluate the evidence constitutes E a serious misdirection on the part of the trial judge thereby warranting interference by this court.

(5) Had the trial judge considered SP1's evidence in its proper perspective, it was possible that the trial judge would have F come to the conclusion that SP1's evidence was doubtful and could not be relied upon to sustain the appellant's conviction. The learned trial judge's failure to so consider the evidence was a misdirection by way of non-direction which resulted in a miscarriage of justice. The result was that the appellant was G deprived of an opportunity to be acquitted and discharged of the charge levelled against him.

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737 FC ***(dirujuk)***

H

Davendar Singh Sher Singh v. PP [2012] 1 LNS 261 CA ***(dirujuk)***

Gooi Loo Seng v. PP [1993] 3 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Penal Code, s. 302

I

Bagi pihak perayu - J Kuldeep Kumar; T/n J Kuldeep Kumar & Co
Bagi pihak responden - Munahyza Mustafa; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Perbicaraan Jenayah No: 45B-24-07/2012]

Dilaporkan oleh Wan Sharif Ahmad

PENGHAKIMAN

Azahar Mohamed HMR:

[1] Wan Farid bin Wan Ramli ("perayu") telah dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi kesalahan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Butir-butir pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 28 Ogos 2011 jam lebih kurang 3.15 pagi, bertempat di tempat letak kereta berdekatan Blok A, PPR Taman Wahyu 2, Off Jalan Ipoh, di dalam daerah Sentul, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melakukan pembunuhan terhadap SHARIFF BIN DIN (K/P NO: 640501-08-7489). Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[2] Di akhir perbicaraan, Yang Arif hakim bicara telah mendapati perayu bersalah dan mensabitkan pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu. Perayu telah dijatuhkan hukuman mati. Tidak puas hati dengan keputusan tersebut, perayu membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. Kami telah mendengar rayuan beliau dan di akhir pendengaran, kami dengan sebulat suara memutuskan bahawa rayuan perayu adalah bermerit dan dengan yang demikian dibenarkan. Diperturunkan sekarang alasan terperinci keputusan kami.

[3] Fakta-fakta kes yang disandarkan oleh pihak pendakwaan telah diringkaskan oleh Yang Arif hakim bicara di dalam penghakimannya seperti berikut:

> Kejadian pembunuhan ke atas mangsa, Shariff bin Din (si mati), seorang pesara tentera laut telah berlaku di saat-saat si mati dan ahli keluarganya sedang bersiap sedia untuk menyambut perayaan hari raya fitri yang akan tiba dalam masa 2 hari lagi dalam tahun 2008.

Pada 28.8.2008 jam lebih kurang 3.00 pagi, si mati bersama isteri dan tiga dari empat orang anaknya baru pulang dari membeli belah dari Uptown Danau Kota, Setapak untuk persiapan Aidilfitri. Si mati memandu kereta Proton Wira WLV 8204 milik beliau dengan isteri beliau, Fauziah binti Ahmad Alwi (SP1) duduk di bahagian penumpang hadapan dan tiga orang anak beliau terdiri daripada Natasha Nadiah binti Shariff (SP2), Shasha Zafira binti Shariff (SP3) dan Amirudin Fasha bin Shariff (SP4) duduk di bahagian penumpang belakang kereta. Apabila mereka sampai di kawasan letak kereta, Blok A, PPR Taman Wahyu, mereka melihat dua orang berada di tempat letak kereta Blok A tersebut dalam keadaan yang mencurigakan. Pada masa si mati ingin memakir kereta beliau, SP3 dan SP4 telah turun dari kereta dan telah menolak sebuah kereta yang berada di sana untuk memberikan cukup ruang bagi si mati untuk meletakkan kereta Proton Wira beliau. Pada masa yang sama saksi SP1, SP2, SP3 dan SP4 melihat salah seorang lelaki yang dilihat di awal tadi telah datang untuk membantu SP3 dan SP4 menolak sebuah kereta tersebut. Saksi-saksi juga pada masa itu dapat melihat seorang lagi suspek berada di bawah Blok A sedang berbual-bual dalam telefon bimbit. Setelah keretanya selesai diparkir, si mati dan ahli keluarganya terus naik ke rumah mereka yang berada di Tingkat 8, Blok A, rumah pangsa tersebut.

Selepas lebih kurang 15 minit, si mati dan SP1 turun semula ke tempat letak kereta di bawah Blok A oleh kerana SP1 dan si mati berasa curiga terhadap dua orang suspek yang mereka lihat berada di kawasan parkir tersebut. Si mati berjalan di hadapan diikuti dari belakang oleh SP1. Si mati kemudian menjerit "Hoi" ke arah dua suspek yang dilihat sedang mengumpil sebuah kereta milik Rozlimand bin Haron (SP8). Pada masa yang sama alarm kereta SP8 telah berbunyi. SP1 melihat suspek yang mengumpil kereta terus melarikan diri ke arah bahagian belakang Blok A manakala rakannya cuba untuk mengambil sebuah motosikal yang berada berhampiran tetapi gagal lalu motosikal tersebut jatuh. Si mati terus berjaya menangkap suspek yang cuba naik motosikal tersebut serta menumbuk tiga kali suspek tersebut.

SP1 seterusnya melihat suspek yang mengumpil kereta dan telah melarikan diri datang semula dengan meluru ke arah si mati dan terus menikam dua kali di bahagian rusuk kiri si mati dengan sebilah pisau. Akibat tikaman tersebut si mati dilihat dalam keadaan mahu tumbang dan suspek terus menikam dua kali lagi di bahagian belakang si mati. Suspek yang dipegang oleh si mati telah berjaya melepaskan diri dan terus lari dari situ. Suspek yang menikam si mati sempat menoleh ke arah SP1 sebelum melarikan

diri ke arah belakang Blok A tersebut. Manakala si mati terus jatuh ke atas jalan. SP1 melihat si mati dalam keadaan berlumuran darah dan terus berteriak memanggil nama anak-anaknya supaya turun. Si mati terus menemui ajalnya di tempat beliau jatuh tersungkur sebelum ketibaan pihak polis dan para medic.

Jasad si mati telah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur untuk dibedah siasat. Bedah siasat telah dijalankan oleh Dr. Khairul Anuar bin Zainun (SP11) pada hari yang sama 28.8.2011 jam 9.30 pagi. Laporan bedah siasat oleh SP11 seperti P30. SP11 memberi pandangan bahawa punca kematian si mati adalah oleh sebab luka tikaman di dada si mati (stab wound to the chest).

[4] Di hadapan kami, bagi menyokong rayuan perayu, alasan utama yang dikemukakan oleh peguam perayu adalah bahawa YA hakim bicara terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal mengambilkira isu pengecaman saksi mata, iaitu Fauziah bt Alwi ("SP1") yang sangat lemah. Dalam hubungan ini, adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa berkenaan rayuan yang membangkitkan persoalan fakta, Mahkamah Rayuan pada amnya enggan mengganggu dapatan fakta oleh hakim bicara kerana sebagai pembicara fakta, hakim bicara mempunyai kelebihan audio-visual. Walau bagaimanapun, adalah terbuka kepada Mahkamah Rayuan untuk campur tangan dalam dapatan yang dibuat oleh hakim bicara sekiranya dapatan tersebut tidak disokong oleh keterangan atau keputusan tersebut bercanggah dengan berat keterangan atau tiada pertimbangan kehakiman yang betul atau terdapat salah arah undang-undang atau mahkamah bicara telah secara asasnya tersalah arah (sila lihat *Davendar Singh Sher Singh v. PP* [2012] 1 LNS 261; [2012] 3 AMR 489). Dalam hubungan ini, autoriti yang ingin kami rujuk adalah kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737; [2004] 3 MLJ 405 di mana Abdul Hamid Mohamad HMP (YAA pada masa itu) sewaktu meyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan telah berkata:

Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that that is a finding his findings of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ (Malaya)) in *Herchun Singh*'s case 'there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the findings'. Otherwise, no judgment would ever be reversed on

A question of fact and the provision of s 87 CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless.

B **[5]** Isu utama dalam kes ini adalah sama ada perayu yang menyebabkan kematian si mati. Untuk membuktikan perayu yang telah menyebabkan kematian si mati, terdapat hanya seorang saksi mata dalam kes ini iaitu SP1, isteri si mati yang dikatakan telah melihat si mati ditikam oleh perayu. Mengenai isu penting ini, YA hakim bicara telah menyatakan bahawa SP1 telah melihat muka
C perayu beberapa kali. Inilah apa yang dikatakan oleh YA hakim bicara di ms. 73-74 rekod rayuan:

> SP1 menyatakan pada malam itu beliau telah melihat muka tertuduh beberapa kali. Pertama kali beliau melihat tertuduh ketika
D tertuduh duduk di atas sebuah motosikal. Pada waktu itu tertuduh tidak ada memakai helmet dan SPl menyatakan dua muka suspek menghala ke arah mereka. Kali kedua SP1 melihat tertuduh berada di bawah bangunan sedang bercakap-cakap dalam telefon. Kali ketiga SP1 melihat tertuduh sedang mengumpil sebuah kereta, apabila disergah oleh si mati, tertuduh telah melarikan diri. SP1
E kemudiannya melihat tertuduh berlari datang semula ke arah si mati dalam keadaan memegang sebilah pisau yang siap terhunus dan terus menyerang si mati.

[6] Kami telah membaca dengan teliti beberapa kali keterangan
F SP1 seperti yang dapat dilihat di ms. 89-95 rekod rayuan. Pada pandangan kami, keterangan SP1 secara keseluruhannya tidak memberi gambaran yang jelas bahawa SP1 sebenarnya telah melihat perayu beberapa kali sebelum dikatakan telah menikam si mati.

G **[7]** Di ms. 91 rekod rayuan, sewaktu memberi keterangan SP1 menyatakan beliau sekarang tidak pasti tentang identiti orang yang telah menikam si mati:

> Sekarang saya tak berapa pasti bolehkah camkan suspek yang tikam suami saya. Saya ada hadir kawad cam 2 hari selepas
H kejadian. Saya ada camkan orang yang tikam suami saya masa kawad cam itu. Suspek kedua saya rasa was-was dan saya tak dapat camkan.
>
> Selepas dia tikam suami saya, mata suspek itu memandang muka saya selama 2-3 saat.

I

[8] Dari petikan di atas, kelemahan-kelemahan keterangan SP1 perlu diberi perhatian. Pertama, sewaktu perbicaraan di hadapan YA hakim bicara SP1 tidak dapat mengecam perayu sebagai orang yang telah menikam si mati. Kedua, adalah tidak jelas identiti sebenar orang yang menikam si mati yang dicamkan oleh SP1 semasa kawad cam dijalankan.

[9] Ada satu lagi perkara penting yang perlu diberi penekanan di sini. Menurut SP1, mata suspek itu memandang muka saya selama 2-3 saat. Persoalan yang wajar dipertimbangkan oleh YA hakim bicara adalah sama ada dalam tempoh masa yang sesingkat itu, SP1 boleh mengecam secara positif bahawa perayulah orang yang menikam si mati pada masa yang material. Dalam penghakimannya, YA hakim bicara telah menyatakan:

> SP1 menyatakan beliau melihat tertuduh yang telah menikam suaminya dalam jarak lebih kurang 5 meter dan beliau dapat mengingat rupa paras tertuduh. SP1 juga menyatakan keadaan pada malam itu agak terang oleh kerana terdapat beberapa tiang lampu di kawasan kejadian.

[10] Walau bagaimanapun, YA hakim bicara gagal untuk memberi pertimbangan keterangan pegawai penyiasat, Insp Norazmi bin Awang ("SP12") seperti berikut:

> Laporan P31 dirujuk di para 14 dinyatakan: Tempat kejadian malap diterangi samaran lampu jalan berwarna kuning. Kawasan itu saya sendiri ke sana didapati memang terang sebab ada 2 lampu dekat rumah TNB dan satu lampu dekat kawasan tong sampah. Keadaan penglihatan adalah jelas di sana.
>
> Q : Warna kuning ada bayang maka penglihatan akan kurang jelas?
>
> A : Setuju.
>
> Q : Walau pun kita boleh tengok terang kerana ada lampu tapi kadang-kadang untuk melihat perkara yang perlukan perhatian ianya tak berapa jelas?
>
> A : Setuju.
>
> Q : Untuk lihat wajah dalam keadaan tempat kejadian dalam jarak lebih kurang 15 kaki kurang jelas?
>
> A : Setuju.

[11] Dari keterangan SP12, dapat disimpulkan bahawa penglihatan pada jarak lima meter adalah tidak jelas di tempat kejadian tersebut pada masa yang material dengan faktor cahaya lampu yang kekuningan. Ini tidak pernah dipertimbangkan oleh YA hakim bicara dengan sewajarnya. Berdasarkan ciri yang tidak memuaskan ini, perayu telah diprejudiskan secara serius.

[12] Dalam kes ini, pihak pendakwaan bergantung sepenuhnya kepada keterangan SP1 untuk menunjukkan bahawa kecederaan teruk yang dialami oleh si mati adalah akibat daripada perbuatan perayu yang dikatakan telah menikam si mati dengan senjata tajam. Beliau sahaja yang memberikan keterangan sebagai saksi yang dikatakan melihat sendiri di tempat kejadian terhadap perayu. Oleh itu, persoalan utama dalam kes ini adalah sama ada SP1 merupakan seorang yang boleh diharap. Pada pandangan kami, kelemahan dan sifat yang kurang memuaskan dalam keterangan SP1 yang telah kami huraikan di atas perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh YA hakim bicara. Setelah kami membaca dengan penuh teliti penghakiman YA hakim bicara, kami berpandangan bahawa YA hakim bicara telah terlepas perhatian dan gagal untuk secara kritis dan kehakiman menilai keseluruhan keterangan yang memihak perayu. Kegagalan untuk mempertimbangkan keseluruhan keterangan SP1 merupakan salah arahan yang serius, mewajarkan campur tangan Mahkamah Rayuan. Keterangan SP1 mesti diteliti dengan berhati-hati memandangkan bahawa terdapat keraguan pada kebolehpercayaan beliau. Pada akhirnya, jika terdapat keraguan, faedah kesangsian itu mesti diberikan kepada perayu. Seandainya YA hakim bicara mempertimbangkan keterangan SP1 dalam perspektif yang betul, adalah berkemungkinan bahawa YA hakim bicara akan membuat dapatan bahawa keterangan SP1 adalah meragukan dan tidak boleh menjadi asas kepada sabitan terhadap perayu. Pada pandangan kami, YA hakim bicara telah gagal mengarahkan diri beliau dengan betul kerana tidak melihat keseluruhan keterangan secara objektif dan dari segala sudut, di mana berkesudahan dengan perayu telah kehilangan peluang yang terbuka kepada beliau untuk dibebaskan dan dilepaskan. Pada pandangan kami, ketidakarahan ini terjumlah kepada salah arahan dan dalam hal ini, suatu salah laksana keadilan (miscarriage of justice) telah berlaku. Dalam hubungan ini, Edgar Joseph Jr HMS dalam kes *Gooi Loo Seng v. PP* [1993] 3 CLJ 1 itu telah berkata:

Clearly, therefore, the trial Judge, was bound to, but did not view the whole of the evidence objectively and from all angles, with the result that the appellant had lost the chance which was fairly open to him of being acquitted. On this point, we consider that non-direction amounts to a misdirection, for, in the words of Pickford J. in *R v. Bundy* 5 Cr.App. R 270:

> the trial was not satisfactory, and the case was not put to the jury in a way to ensure their due appreciation of the value of the evidence.
>
> We must treat the failure of a trial Judge sitting alone, to direct himself correctly in the same was a failure to direct a jury correctly. In these circumstances, a miscarriage of justice may well have occurred.

[13] Dalam hal keadaan kes ini dan berdasarkan semua alasan di atas, kami berpendapat adalah tidak selamat untuk mengekalkan sabitan dan hukuman yang dibuat oeh YA hakim bicara terhadap perayu. Dengan yang demikian, rayuan ini dibenarkan. Sabitan dan hukuman diketepikan. Perayu dilepaskan dan dibebaskan.